

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGEMASKINIAN PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA (FACE MASK) BAGI MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17hb. Safar 1442H bersamaan 05hb. Oktober 2020M –

1. Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada hari *Khamis, 07 Safar 1442* bersamaan *24 September 2020*, mengenai langkah-langkah pengurangan kawalan (*de-escalation stages*) di negara ini berkenaan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara adalah masih dikekalkan dalam tahap keempat.
2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengemaskini semula panduan pemakaian sungkup muka (face mask) di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara sebagaimana saranan dan nasihat Kementerian Kesihatan selain daripada mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan sebelum ini.
3. Antara tatacara pemakaian sungkup muka yang telah dikemaskini untuk dipraktikkan semasa hadir ke masjid adalah seperti berikut:
 - A. Semasa menghadiri Sembahyang Fardhu Jumaat, Jemaah dan orang ramai adalah dimestikan untuk memakai sungkup muka dan dikehendaki untuk membuat penjarakan fizikal.
 - B. Jemaah dan orang ramai adalah sangat digalakkan untuk memakai sungkup muka dan dikehendaki membuat penjarakan fizikal ketika hadir bagi menunaikan sembahyang Fardhu Lima Waktu.
 - C. Jemaah dan orang ramai juga dimestikan untuk memakai sungkup muka dengan melaksanakan penjarakan fizikal semasa menghadiri Majlis-Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan Hari Kebesaran Negara serta aktiviti takmir yang berskala besar seperti:
 - i. Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan
 - ii. Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan
 - iii. Majlis Sempena Awal Tahun Baru Hijrah
 - iv. Majlis Khatam Al-Quran

M.S: 1 - 2

- v. Majlis Dikir Maulud 12 malam berturut-turut
 - vi. Takbir Hari Raya
 - vii. Doa Kesyukuran Sempena Hari Guru
 - viii. Doa Kesyukuran Sempena Hari Perkhidmatan Awam
 - ix. Doa Kesyukuran Sempena Hari Belia Kebangsaan
 - x. Ceramah-ceramah
 - xi. Tazkirah
4. Jemaah dan orang ramai adalah sangat digalakkan untuk memakai sungkup muka dengan melaksanakan penjarakan fizikal ketika menghadiri aktiviti takmir masjid yang berskala kecil (di bawah 50 orang) seperti Kelas Ugama, Kuliah, Tazkirah mingguan dan lain-lain.
5. Sukacita ditekankan bahawa, mengikut setiap arahan yang dikeluarkan adalah merupakan sebahagian daripada langkah pengawalan yang berterusan bagi membendung penularan wabak Covid-19 ini. Sehubungan dengan itu juga, jemaah dan orang ramai perlu mematuhi dan melaksanakan setiap tuntutan di dalam garispandu yang telah dikeluarkan.

-TAMAT -

Rujukan: KHEU/BPA/PR/OKT/2020

Tarikh: 17hb Safar 1442H bersamaan 05hb Oktober 2020M